



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 30 OGOS 2024

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3.	KARNIVAL AGRO MADANI MEGA RAIH RM2.46j, NEGARA, KOSMO -16 KPKM TINGKAT PERUNTUKAN PERTANIAN TERENGGANU SEKALI GANDA, ASTRO AWANI -ONLINE RM69.97 JUTA PREUNTUKAN PEMBANGUNAN AGROMAKANAN TERENGGANU, BERITA RTM -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
4. 5. 6.	FAMA SASAR RM5 JUTA JUALAN DI MAHA 2024, BERNAMA -ONLINE MENARA BERKEMBAR BUAH LIMAU BALI, NANGKA TARIKAN FAMA PADA MAHA, KOSMO -ONLINE FAMA SASAR JUALAN RM5 JUTA PADA MAHA SEPTEMBER 2024, DALAM NEGERI, UM -32	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
7. 8. 9. 10. 11. 12.	FRESH NOT FROZEN, NATION, THE STAR -12 NATIONAL AGRI CENSUS ZOOMS IN ON TERENGGANU, NATION, THE STAR -10 DIGITAL MINISTRY PLAYS KEY ROLE IN ENCOURAGING MODERN FARMING, EMPOWERING AGRICULTURE SECTOR -GOBIND, BERNAMA -ONLINE RANGKAIAN 5G KEDUA LONJAK PRODUKTIVITI PERTANIAN, BH -ONLINE MAAHAD RAIH PENDAPATAN LUMAYAN MELALUI PROJEK SAYUR, DALAM NEGERI, UM -32 BANCI PERTANIAN 2024 DILAKSANAKAN SEHINGGA 10 OKTOBER, NASIONAL, BH -13	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Karnival Agro Madani Mega raih RM2.46j

KUALA NERUS – Karnival Jualan Agro Madani Mega anjuran Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan yang diadakan di empat lokasi seluruh negara pada tahun ini dijangka menjana jualan melebihi RM2.46 juta.

Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Arthur Joseph Kurup berkata, tiga penganjuran karnival tersebut sebelum ini di Sook dan Tawau, Sabah dan Perlis berjaya memperolehi jualan RM1.71 juta.

"Kita juga menjangka penganjuran keempat dan terakhir Karnival Jualan Agro Madani Mega peringkat Terengganu yang sedang berlangsung sehingga Ahad ini mampu menjana jualan sekurang-kurangnya RM750,000.

"Karnival yang dijenamakan daripada program Jualan

Terus Dari Ladang ini menawarkan produk agro makanan pada skala besar dengan harga sehingga 30 peratus lebih murah daripada pasaran," katanya selepas merasmikan Karnival Jualan Agro Madani Mega peringkat Terengganu di sini semalam.

Arthur berkata, penganjuran Karnival Jualan Agro Madani Mega terbukti membantu meringankan kos sara hidup rakyat.

Kata Arthur, karnival terabit juga menawarkan beras putih tempatan dan telur ayam pada harga lebih murah daripada pasaran.

"Selain Karnival Jualan Agro Madani Mega, kita juga menganjurkan program Jualan Agro Madani pada skala kecil yang lebih menyeluruh dan meliputi lokasi termasuk pedalaman di seluruh negara," ujarnya.



ARTHUR (kanan) meninjau bekalan telur ayam yang dijual pada Karnival Jualan Agro Madani Mega peringkat Terengganu di Gong Badak, Kuala Nerus semalam.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/8/2024	ASTRO AWANI	ONLINE	

KPKM tingkat peruntukan pertanian Terengganu sekali ganda



Arthur (tengah) bercakap kepada pemberita pada Majlis Perasmian Karnival Jualan Agro MADANI Mega Negeri Terengganu 2024 di Pekarangan Kompleks Sukan Negeri Terengganu, Kuala Nerus, semalam. -- fotoBERNAMA

RM33.13 juta tahun lepas.

KUALA NERUS: Jumlah keseluruhan peruntukan pembangunan untuk sektor pertanian Terengganu pada tahun ini meningkat kepada RM69.97 juta berbanding

Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) Datuk Arthur Joseph Kurup berkata peruntukan besar itu bagi memperkasakan agenda keterjaminan makanan negara khususnya di negeri berkenaan.

Beliau berkata peningkatan lebih sekali ganda itu membuktikan bahawa Kerajaan Persekutuan sentiasa menyokong agenda keterjaminan dan pembangunan sektor pertanian tanpa mengira batasan politik dan negeri.

"Terengganu antara negeri yang menerima peruntukan pembangunan pertanian tertinggi. Selain itu KPKM juga telah meluluskan peruntukan sebanyak RM10.06 juta kepada kerajaan negeri di bawah program kerjasama bagi mengoptimumkan penggunaan tanah ke arah keterjaminan makanan negara.

"Peruntukan itu diberi secara terus kepada kerajaan negeri untuk melaksanakan sebanyak 12 projek yang meliputi sektor pertanian, penternakan dan perikanan," katanya pada sidang media selepas merasmikan Karnival Jualan Agro MADANI Mega Negeri Terengganu 2024 di Kompleks Sukan Gong Badak, di sini semalam.

Pada majlis itu Arthur turut menyampaikan pelbagai jenis geran keseluruhan berjumlah RM2.04 juta kepada 210 usahawan tani di Terengganu.

Dalam pada itu beliau berkata KPKM telah melaksanakan sebanyak 10,093 Program Jualan Agro MADANI di seluruh negara bermula 18 April 2023 hingga 11 Ogos lepas dan jumlah itu telah melepasi sasaran ditetapkan iaitu 10,000 program termasuk di kawasan pedalaman dan terpencil.

Program itu memberi impak positif terhadap ekonomi rakyat dengan menyediakan penjimatan harga barangan sebanyak RM56 juta kepada kira-kira 21.34 juta isi rumah di seluruh negara, kata beliau.

"Program Jualan Agro MADANI secara tidak langsung meningkatkan pendapatan petani kerana dapat menjual hasil pengeluaran mereka secara terus tanpa melalui orang tengah. Seramai 137,741 usahawan terlibat dalam program ini dengan jumlah jualan keseluruhan sebanyak RM187.8 juta. Di Terengganu sahaja sebanyak 395 program telah diadakan dengan nilai jualan keseluruhan sebanyak RM5.91 juta," katanya.

Selain Program Jualan Agro MADANI, KPKM turut menganjurkan empat Karnival Jualan Agro MADANI Mega di tiga negeri termasuk Sabah, Perlis dan Terengganu dengan sasaran jualan sebanyak RM2.46 juta, tambah beliau lagi.

-- BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/8/2024	BERITA RTM	ONLINE	

RM69.97 juta peruntukan pembangunan agromakanan Terengganu



Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Datuk Arthur Joseph Kurup

KUALA NERUS, 29 Ogos- Peruntukan pembangunan agromakanan kepada Terengganu meningkat kepada RM69.97 juta tahun ini.

Jumlah itu meningkat sekali ganda

berbanding RM33.13 juta tahun lalu.

Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Datuk Arthur Joseph Kurup berkata, RM10.06 juta turut diperuntuk bagi mengoptimumkan penggunaan tanah ke arah keterjaminan makanan.

Peruntukan tersebut bagi melaksanakan 12 projek pertanian, penternakan dan perikanan. Ini termasuk projek pembangunan tukun tiruan, pembinaan pintu air di Kuala Nerus dan projek membaik pulih Kompleks Reban Ayam Tertutup Baroh Masin di Besut.

"Memang Terengganu adalah penerima tertinggi termasuk juga projek yang kita serahkan kepada kerajaan negeri untuk dilaksanakan kerajaan negeri. Terengganu juga merupakan antara penerima tertinggi menerima peruntukan tersebut", katanya kepada media selepas merasmikan Karnival Jualan Agro Madani Mega Terengganu di perkarangan Kompleks Sukan Negeri di Gong Badak, Kuala Nerus.

Mengulas lanjut, sebanyak RM750,000 nilai jualan disasarkan sempena penganjuran kali ini.

Penganjuran Jualan Agro Madani Mega di tiga lokasi terdahulu, mencatatkan nilai jualan sebanyak RM1.7 juta.



Malay

taip untuk carian

**Kickstart Your Career
in Data Analytics**

BSc in Information
Systems with
Data Analytics
(N/0611/8/0092)

30%
Inaugural
Scholarship*

September
2024 Intake
*T&C apply

AM > BERITA

FAMA Sasar RM5 Juta Jualan Di MAHA 2024

🕒 29/08/2024 03:44 PM



Orang ramai membeli buah-buahan pada Majlis Perasmian Karnival Jualan Agro MADANI Mega Negeri Terengganu 2024 di Pekarangan kompleks Sukan Negeri Terengganu hari ini.

KUALA NERUS, 29 Ogos (Bernama) -- Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) menyasarkan RM5 juta jualan pada Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA) 2024 yang akan berlangsung dari 11 hingga 22 Sept depan.

Ketua Pengarah FAMA Abdul Rashid Bahri berkata sasaran itu meliputi lima kluster termasuk *Kingdom of Agro Food*; *Food Empire & Food Viral*; *Food Truck Fiesta*; *Food Trade* dan *Rhythm of Farmers*.

Beliau berkata antara tarikan utama ialah jualan 1,000 menu istimewa dan tular (viral) dari seluruh negara.

"Makanan istimewa dari negeri-negeri ini, kita akan bawa satu menu yang dah kita pertandingkan. Contohnya Terengganu nasi dagang dan Johor mee bandung yang kita satukan dalam satu kluster.

"Kita juga ada satu gimik menara buah yang diperbuat


Book of Records sebagai menara buah tertinggi di Malaysia," katanya selepas majlis perasmian Karnival Jualan Agro MADANI Mega Negeri Terengganu 2024 di Kompleks Sukan Gong Badak, di sini hari ini.

Sehubungan itu beliau mengalu-alukan kunjungan orang ramai ke gerai FAMA yang menyajikan pelbagai tarikan unik serta istimewa.



"Kita juga ada kluster *Rhythm of Farmers* yang lebih kepada pengisian kerohanian dan sedikit acara hiburan bagi menggalakkan orang ramai berada di tapak MAHA sehingga 10 malam," katanya.

-- BERNAMA



BERNAMA menyediakan informasi dan berita terkini yang sahih dan komprehensif yang disebarkan melalui Wires BERNAMA; www.bernama.com; BERNAMA TV di saluran Astro 502, unifi TV 631 dan MYTV 121 dan Radio BERNAMA di frekuensi FM93.9 (Lembah Klang), FM107.5 (Johor Bahru), FM107.9 (Kota Kinabalu) dan FM100.9 (Kuching).

Ikuti kami di media sosial:

Facebook : [@bernamaofficial](https://www.facebook.com/bernamaofficial), [@bernamatv](https://www.facebook.com/bernamatv), [@bernamaradio](https://www.facebook.com/bernamaradio)

Twitter : [@bernama.com](https://twitter.com/bernama.com), [@BernamaTV](https://twitter.com/BernamaTV), [@bernamaradio](https://twitter.com/bernamaradio)

Instagram : [@bernamaofficial](https://www.instagram.com/bernamaofficial), [@bernamatvofficial](https://www.instagram.com/bernamatvofficial), [@bernamaradioofficial](https://www.instagram.com/bernamaradioofficial)

TikTok : [@bernamaofficial](https://www.tiktok.com/@bernamaofficial)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/8/2024	KOSMO	ONLINE	

Menara berkembar buah limau bali, nangka tarikan FAMA pada MAHA



Abdul Rashid (tiga dari kiri) menyaksikan Arthur (tiga dari kanan) merasmikan Karnival Jualan Agro Madani Mega peringkat Terengganu di Gong Badak, Kuala Nerus hari ini.

KUALA NERUS – Menara berkembar buah-buahan tinggi diperbuat daripada limau bali dan nangka antara tarikan bakal

ditampilkan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) pada Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan (MAHA) bermula 11 September depan.

Ketua Pengarah FAMA, Abdul Rashid Bahri berkata, menara berkembar buah-buahan tersebut dijangka akan mendapat pengiktirafan sebagai Malaysia Book of Records (MBOR).

“Menara buah-buahan itu akan dibina di salah satu kluster pameran FAMA iaitu Kingdom of Agro Food.

“Sebahagian besar menara tersebut diperbuat daripada buah limau bali yang dibawa khas dari Tenom, Sabah,” katanya ketika ditemui selepas menghadiri Karnival Jualan Agro Madani Mega peringkat Terengganu di sini hari ini.

Karnival tersebut dirasmikan Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Arthur Joseph Kurup.

Abdul Rashid berkata, selain Kingdom of Agro Food, FAMA juga akan menampilkan empat kluster lain iaitu Food Empire and Viral, Agro Trade, Food Truck Fiesta dan Rhythm of Farmer sewaktu Maha yang bakal berlangsung di Taman Ekspo Pertanian Malaysia (Maeps) Serdang, Selangor.

Tambah beliau, pengunjung berpeluang merasai 1,000 jenis menu dan minuman istimewa dan tular seluruh negara di kluster Food Empire and Viral.

“Food Truck Festa pula menampilkan 20 pengendali trak makanan daripada seluruh negara manakala Agro Trade pula akan memadankan perniagaan produk usawan tani tempatan dengan pengimport luar negara,” katanya.

Abdul Rashid berkata, FAMA menjangkakan mampu meraih jualan RM5 juta menerusi kelima-lima kluster yang bakal ditampilkan pada MAHA tersebut. – KOSMO! ONLINE

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/8/2024	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	32



ARTHUR Joseph Kurup (dua, kanan) melawat gerai Karnival di Jualan Agro Madani Mega Negeri Terengganu 2024 di Gong Badak, Kuala Nerus, semalam. - UTUSAN/PUQTRA HAIRRY ROSLI

FAMA sasar jualan RM5 juta pada MAHA September 2024

KUALA NERUS: Lembaga Pemasarkan Pertanian Persekutuan (FAMA) menyasarkan jumlah keseluruhan jualan sebanyak RM5 juta pada Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA) 2024 pada 11 hingga 22 September ini.

Ketua Pengarahnya, Abdul Rashid Bahri berkata, jumlah sasaran jualan itu meningkat berbanding RM4 juta pada penganjuran dua tahun lalu di Taman Ekspo Pertanian Malaysia (Maeps), Serdang, Selangor.

Menurutnya, hasil jualan itu mampu dicapai daripada lima kluster yang akan ditampilkan FAMA iaitu *Kingdom of Agro Food*, *Food Empire & Food Viral*, *Food Truck Fiesta*, *Food Trade*

dan *Rhythm of Farmers*.

Katanya, antara tarikan utama pengunjung ialah jualan 1,000 menu viral dari seluruh negara.

“Kita juga ada satu gimik menara buah yang diperbuat daripada limau bali dan nangka berbentuk seperti menara berkembar yang akan dimasukkan dalam Malaysia Book of Records sebagai menara buah tertinggi di Malaysia,” katanya selepas majlis perasmian Karnival Jualan Agro Madani Mega Negeri Terengganu 2024 di Gong Badak, di sini, semalam.

Karnival tersebut dirasmikan oleh Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Arthur Joseph Kurup.

By MARK RYAN RAJ

mark-ryan@thestar.com.my

THE inaugural shipment of fresh Malaysian durians to China officially landed in Zhengzhou on Aug 25, marking the beginning of many export shipments to come.

This initial export of fresh durians is a result of the agreement for the Protocol of Phytosanitary Requirements for the Export of Fresh Durian Fruits from Malaysia to China, which was signed by Agriculture and Food Security Minister Datuk Seri Mohamad Sabu and China's General Administration of Customs Minister Yu Jianhua in June.

The first phase of fresh durian shipment saw 40 metric tonnes (mt) of different durian types being exported, including Musang King, D24, IOI and Black Thorn, involving eight local durian export companies.

On Aug 25, the first 15mt of fresh durians landed in Zhengzhou, with the remaining shipments of 15mt and 10mt landing the next day in Zhengzhou and Shenzhen respectively.

Federal Agricultural Marketing Authority (Fama) chairman Aninuddin Zulkipli says that this market access will contribute to the increase in the export value of the durian sector to China, where previously, only the export of frozen durians was permitted.

"We have created history with the first shipment of fresh whole fruit durians to China.

"Seeing the cargo plane take off was almost like looking into the future of the local durian industry, as it marked the beginning of what could be a profitable relationship between Malaysia and China."

FRESH NOT FROZEN

Fama oversees first shipment of fresh local durians to China



Mohamad (centre) oversaw the inaugural shipment of fresh Malaysian durians to China, which landed in Zhengzhou on Aug 25.

without each other's help.

"We (Fama) oversaw the loading of the fresh durians onto the cargo plane, while the Durian Manufacturer Association gathered resources to charter the plane with the help of the Transport Ministry.

"This is what made the initial shipment a success – as it needed holistic involvement from all parties."

Quality assurance

Aninuddin says that as a marketing agency, Fama takes a number of measures to ensure the quality and freshness of durians to be exported.

This is done by adhering to the strict quality standards and requirements outlined in the phy-

tosanitary requirements protocol. "In every state, we have durian processing centres and representatives to ensure that the durians comply with China's export standards."

He adds that the export of fresh durians also entails various quality assurance requirements, as compared to those for durian paste, durian pulp and frozen durians.

"Whole fruit fresh durians have a slightly different protocol. The standards are much higher than those for frozen goods.

"The farms from where the durians are sourced have to be properly certified and the protocol even takes into consideration the handling practices of the produce after harvest."

Aninuddin describes these

extra requirements as important practices for local durian farmers and entrepreneurs to adopt and maintain the reputation of Malaysian durians in foreign markets.

A boon for local farmers

Aminuddin suggests that the shipment of fresh durians to China not only benefits major industry players but will also increase opportunities for small-scale farmers (with farms less than 16ha).

"As part of the mandate given to us by KPKM and the Farmers' Organisation Authority, we were tasked to protect the interests of smallholders. Now is the perfect time for us to invigorate local farmers to boost durian farming practices," he says.

This effort, to increase the local supply of fresh durians, was prompted by the weight demand from China who initially sought to acquire more than 40mt of fresh durians.

He adds that Fama will also engage in dialogue sessions with Felra, Felra and Mardi in each state to encourage more farmers (of other goods) to start durian farming on a smaller scale.

"In the past, Felra has focused on rubber farming and production. But this seems to have waned in recent years, with the decrease in Malaysia's natural rubber production.

"In this case, if there is vacant land on rubber plantations, it could be transitioned into land for durian farming – which would help us offer enough supply to meet the demand for Malaysian durians," says Aminuddin.

NATIONAL AGRI CENSUS ZOOMS IN ON TERENGGANU

BESUT: The 2024 Agricultural Census entered its 43rd day today (Aug 18) with a visit by the team from the Department of Statistics Malaysia (DOSM) to Terengganu.

The survey, which began on July 7, is still being conducted by DOSM and will end on Oct 10.

This large-scale census includes surveying households and business establishments involved in agricultural activities such as food and commodity crops, livestock, fisheries and aquaculture, as well as logging and forestry.

During the visit, the 2024 Agricultural Census commissioner Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin shared that over 92,000 residences and 480 business establishments that were involved in agricultural activities were being surveyed across Terengganu.

As of yesterday, about 55,815 residences (60.4%) and 363 business establishments (75.6%) had been accounted for, with 19.8% of agricultural residences were completed.

The survey results indicated that the crop subsector was the largest contributor to the agricultural sector at 69.0%, followed by the livestock (24.2%), fisheries (6.5%), and forestry and logging (0.2%).

The Hulu Terengganu district recorded the highest percentage of surveyed residences at 75.1%, followed by Kemaman (72.0%), Dungun (69.5%), Kuala Terengganu (63.2%), Besut (60.9%), Setiu (53.3%), Kuala Nerus (46.1%) and Marang (45.1%).

Survey picked up 55,815 residences, 363 business establishments during the sweep



Mohd Uzir (centre) during a field survey for the 2024 Agricultural Census at the Ternakan Lembu Sado owned by Mohd Zul Azrey Ismail (in yellow, second from left) in Besut, Terengganu.

logging (11.4%).

Recognising the importance of this sector, the 2024 Agricultural Census is a crucial effort to assess the performance of the agricultural industry here in Terengganu. Mohd Uzir and his census team, which included the Agricultural Census deputy commissioner Marlini Sahul Hamid, made the field trip in Terengganu from Aug 17 to 19.

They visited various subsectors within each district, including the aquaculture in Kampung Chahang, Kerteh, Kemaman, Sado cattle/dairy goat farming in Kampung Kuala Besut, and the

sweet melon cultivation in Kampung Tok Dor, Besut, among others.

The Terengganu Sweet Melon (MMT) is the first variety of rock melon announced as the state's official fruit. According to the Terengganu State Department of Agriculture, MMT production recorded RM3.14mil with 35 operators in 2023, with Besut having the highest number of operators amounting to 11.

Visits were also made to the King Mango plantation at the Rhu Tapai Agricultural Centre, Setiu; a swiftlet farming at Walit Timur Enterprise, Kuala Nerus; a herb

plantation at Pulau Herba, Tasik Kenyar, Hulu Terengganu; grazing field projects in Kampung Binjal Kertas, Hulu Terengganu; coconut cultivation in Kampung Batu Putih, Marang; and eggplant cultivation in Kampung Batu 7, Dungun.

DOSM hopes the 2024 Agricultural Census in Terengganu will continue to receive the commitment and cooperation of residents and business operators involved in agricultural activities throughout the census period.

The public need not worry about sharing information as confidentiality is guaranteed under the Statistics Act 1965 (Revised 1989).

The collection of accurate data is essential for producing a comprehensive database and establishing a new benchmark for creating the national agricultural database.

DOSM has launched OpenDOSM NextGen, a medium that provides a data catalogue and visualisations to facilitate users in analysing various data, accessible through the portal open.dosm.gov.my.

Visit www.myagricensus.gov.my for more information.

The theme for the Agricultural Census is "Key to Agricultural Progress".

The Government has declared Oct 20 as the National Statistics Day (MyStats Day). This year, the theme for MyStats Day is "Statistics The Pulse of Life".

DOSM is also celebrating its Diamond Jubilee this year.



English



GENERAL > NEWS

Digital Ministry Plays Key Role In Encouraging Modern Farming, Empowering Agriculture Sector – Gobind

🕒 29/08/2024 07:37 PM



GEORGE TOWN, Aug 29 (Bernama) -- The Ministry of Digital is key in advancing modern farming by collaborating and fostering collaborations between stakeholders and ecosystem partners to empower the national agriculture sector digitally.

Digital Minister Gobind Singh Deo highlighted the Malaysia Digital AgTech3 initiative, managed by the Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC), which integrates cutting-edge digital technologies like the Internet of Things (IoT), big data analytics (BDA), artificial intelligence (AI), and drone technology.

"The Malaysia Digital AgTech aims to enhance productivity, enhance quality, boost income, reduce operational costs, optimise plantations, and encourage greater participation.



Some of the Digital AgTech pilot projects include smart fertigation, smart water monitoring and drone technology. Ultimately, such an initiative will boost the nation's digital economy," he said in his speech at the collaboration ceremony between BoomGrow and CelcomDigi here today.

Gobind emphasised that the success of this digital transformation in agriculture depends on strong collaborations among various stakeholders.

The minister said by digitalising farming methods, he is confident that the agriculture sector would be able to contribute more to the nation's gross domestic product (GDP).

"The agriculture sector in Malaysia contributed 7.2 per cent to the nation's GDP in the second quarter of this year, a substantial increase from 1.7 per cent in the first quarter," he said.

Gobind also lauded BoomGrow, Malaysia's first 5G-connected vertical farm, which has achieved remarkable results in growing vegetables in containers.

The produce from one container can match the output of an acre in an outdoor farm.

Gobind said not only is it fresher and tastier, but such innovations also hold the potential to address food security both locally and globally, thanks to technology.

He concluded by emphasising the broader impact of these technological advancements.

"Such technological revolutions will not only preserve our environment but also secure our food supply, strengthen our economy, and elevate Malaysia as a leader in sustainable agriculture across Southeast Asia.

"I have been told that AI and IoT are among the technologies that will be showcased at the 100th edition of the Malaysian Agriculture, Horticulture, and Agro Tourism Exhibition (MAHA) next month. I hope this will encourage more farmers to adapt and adopt digital initiatives," he added.

MAHA will be held from Sept 11 to 22 at the Malaysia Agro Exposition Park Serdang (MAEPS), Selangor.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/8/2024	BERITA HARIAN	ONLINE	

Rangkaian 5G kedua lonjak produktiviti pertanian



Gobind meninjau ladang kontena 'boom grow' yang memanfaatkan teknologi 5G dalam bidang pertanian di Gurney Paragon Mall - Foto NSTP/MIKAIL ONG

GEORGETOWN: Pelancaran rangkaian 5G kedua berpotensi meningkatkan sumbangan semua sektor dalam Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) termasuk bidang pertanian yang telah

menyumbang 7.2 peratus pada suku kedua tahun ini.

Menteri Digital, Gobind Singh Deo, berkata sektor pertanian menggunakan Internet Pelbagai Benda (IoT) yang dikuasakan 5G membolehkan automasi pintar untuk analitik pantas dan pengurusan ladang dengan lebih tepat.

Katanya, penerapan digital termasuk dalam pemantauan iklim, kelembapan tanah selain sensor yang dipasang pada haiwan ternakan boleh digunakan untuk memantau kesihatan haiwan, corak pemakanan, kitaran pembiakan bagi meningkatkan produktiviti dan pengeluaran hasil.

"Sektor pertanian di Malaysia menyumbang 7.2 peratus kepada KDNK negara pada suku kedua 2024 dan ia adalah lonjakan besar kerana bidang ini hanya menyumbang 1.7 peratus pada suku pertama tahun ini.

"Dengan mendigitalkan kaedah pertanian, saya yakin sektor itu akan dapat menyumbang lebih banyak kepada KDNK negara dengan laporan kesan 5G Tunggal di Malaysia mengunjurkan peningkatan 2.6 peratus dalam sumbangan KDNK pada 2030 bersamaan dengan RM3.5 bilion.

"Kini Kerajaan MADANI sedang dalam proses melancarkan rangkaian 5G kedua dan langkah ini pasti akan meningkatkan sumbangan semua sektor termasuk pertanian kepada negara," katanya kepada pemberita di sini, hari ini.

Media pada 12 Ogos lalu melaporkan, kerajaan sedang dalam proses penilaian untuk memilih syarikat telekomunikasi (telco) yang akan membangunkan rangkaian kedua 5G negara.

Menerusi laporan berkenaan Gobind berkata proses tender untuk rangkaian kedua 5G telah ditutup pada 31 Julai lalu dan keputusan akan dibuat tidak lama lagi.

Terdahulu Gobind melancarkan perkongsian strategik antara perintis industri pertanian menegak Asia Tenggara, BoomGrow Productions Sdn Bhd (BoomGrow) dan CelcomDigi

Berhad CelcomDigi yang menjalin kerjasama dalam projek pertanian menggunakan 5G, kecerdasan buatan (AI) dan teknologi Realiti Lanjutan (XR).

Menurutnya, Kementerian Digital turut memainkan peranan dalam menggalakkan pertanian moden antaranya menerusi Perbadanan Ekonomi Digital Malaysi (MDEC) di bawah inisiatif Malaysia Digital AgTech.

Beliau berkata, program itu dijalankan dengan kerjasama pemegang kepentingan dan rakan ekosistem untuk memberdayakan sektor pertanian negara secara digital dengan mengintegrasikan teknologi digital seperti IoT, Analitik Data Besar (BDA), AI dan DroneTech.

"Malaysia Digital AgTech bertujuan meningkatkan produktiviti, kualiti, pendapatan, mengurangkan kos operasi, mengoptimumkan ladang dengan beberapa projek perintis telah dilaksanakan termasuk fertigasi pintar, pemantauan air pintar dan teknologi dron.

"Dengan adanya infrastruktur 5G yang kukuh di Malaysia, kita mempunyai potensi besar untuk memacu impak positif dalam sektor ini seterusnya membolehkan petani kita menyertai era digital dan memanfaatkan peluang yang banyak.

"Malah, saya diberitahu AI dan IoT adalah antara teknologi yang akan dipamerkan pada Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA) bulan depan justeru saya amat berharap ini akan menggalakkan lebih ramai petani untuk menerima inisiatif digital," ujarnya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/8/2024	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	32

Maahad raih pendapatan lumayan melalui projek sayur

GERIK: Bermula dengan tanaman cili fertigasi diikuti timun, dan penternakan ikan yang dilakukan oleh pelajar Maahad Tahfiz dan Kemukjizatan Al-Quran, Air Jernih, mereka kini beroleh kejayaan dalam bidang pertanian apabila hasilnya dapat dipasarkan sekali gus menjana pendapatan lumayan.

Pengerusi maahad tersebut, Dr. Mohd Fahmi Abdul Khir berkata, beberapa perancangan giat diatur di atas tanah seluas 2.4 hektar di kawasan belakang maahad tahfiz tersebut bagi tujuan keusahawanan dan pertanian serta penternakan selain menjadi penggerak sosioekonomi masyarakat setempat.

“Projek Agro Quranic yang mendapat kerjasama dengan beberapa agensi kerajaan dan swasta termasuk kerjasama dengan Institut Agro Usahawan (IGROW) dijalankan sejak penghujung 2018 oleh lebih 100 pelajar sendiri dengan tunjuk ajar guru pembimbing dan pakar-pakar bidang pertanian, penternakan serta perlombongan.

“Ini bertujuan membantu pelajar dalam bidang sosioekonomi selain melahirkan generasi yang bukan sahaja mahir dalam bidang hafalan al-Quran, menjadi pendakwah,



MEOR Roslan Meor Ahmad Rashidi (tiga dari kiri) menyerahkan cili fertigasi yang ditanam pelajar di Maahad Tahfiz dan Kemukjizatan Al-Quran, Air Jernih di Gerik. - UTUSAN/NORLIA RAMLI

apabila tamat belajar, malah turut menjadikan mereka profesional dalam bidang pertanian dan penternakan,” katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Menurutnya, pendekatan yang terkandung dalam al-Quran dan hadis Nabi Muhammad SAW mengenai pertanian serta penternakan menjadi inspirasi kepada mereka untuk menceburi bidang ini.

“Bagi jangka panjang, kita juga akan bekerjasama dengan penduduk setempat untuk membeli hasil tanaman mereka bagi diproses menjadi pelbagai produk seperti sos cili dan me-

masarkannya bagi mengembangkan sosioekonomi penduduk, sekitar” katanya.

Sementara itu, Orang Besar Jajahan (OBJ) Hulu Perak, Datuk Meor Roslan Meor Ahmad Rashidi berkata, program pertanian diusahakan ini merupakan sebahagian daripada program Pertanian Insaniah yang menjadi pemangkin untuk dilaksanakan oleh hampir 100 masjid di daerah berkenaan selain institusi agama Islam yang lain sebagai menyahut titah Sultan Perak berhubung isu keterjaminan makanan di negeri ini.



Pesuruhjaya Banci Pertanian 2024, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin (tengah) dan pengusaha kebun pegaga, Johari Din ketika operasi Banci Pertanian di Kampung Paya Burma, Mata Ayer, Arau. (Foto Aizat Sharif/BH)



Operasi Banci Pertanian 2024 hari ke-52 yang dilaksanakan antaranya di sekitar kawasan Bukit Keteri, Panggas Besar dan Kampung Alor Tok Terang di Perlis.

Banci Pertanian 2024 dilaksana sehingga 10 Oktober

Objektif untuk kumpul stok, profil sektor pertanian meliputi ekonomi, sosial dan alam sekitar

Oleh Tuty Haryanti Ahmad Rodzi
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Jabatan Perangkaan (DOSM) sedang melaksanakan Banci Pertanian 2024 bermula 7 Julai sehingga 10 Oktober ini.

Pengarah Bahagian Perangkaan Pertanian dan Alam Sekitar, Fuziah Md. Amin, berkata banci itu akan meliputi individu dan pertubuhan perniagaan atau syarikat yang menjalankan aktiviti pertanian merangkumi tanaman, ternakan, perikanan tangkapan, akuakultur dan perhutanan dan pembalakan.

Katanya, Banci Pertanian berkenaan dilaksanakan dengan kerjasama beberapa kementerian dan agensi di bawahnya iaitu Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM); Kementerian Perlindungan dan Komoditi (KPK) serta Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES).

"Objektif pelaksanaan banci pertanian ini adalah untuk mengumpul stok dan profil sektor pertanian meliputi dimensi eko-

nomi, sosial dan alam sekitar bagi pegangan pertanian.

"Selain itu, ia dapat menyediakan input utama dalam merangka polisi untuk sektor pertanian oleh pelbagai pihak yang berkepentingan untuk perancangan pembangunan, pengubalan dasar sosio ekonomi dan program yang berkaitan.

"Banci ini juga dapat menyediakan penanda aras sehingga peringkat terkecil yang diperlukan untuk merangka program pembangunan pertanian baharu dan untuk menilai kemajuannya.

"Banci ini turut menyediakan rangka pensampelan pegangan pertanian untuk menjalankan survei pertanian masa hadapan," katanya.

Beliau berkata, berkenaan kumpulan sasaran dalam Banci Pertanian 2024, unit statistik bagi sektor pertanian adalah pegangan pertanian (agriculture holding) yang merujuk kepada pertubuhan perniagaan, institusi dan isi rumah yang terbabit dalam sektor pertanian.

"Manakala maklumat isi rumah pertanian diperoleh daripada Banci Penduduk dan Perumahan 2020. Selain itu, maklumat pengusaha pertanian yang berdaftar dengan agensi pertanian juga diperoleh.

"Manakala, maklumat pertubuhan diperoleh daripada sumber seperti Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi memastikan liputan Banci Pertanian 2024 adalah menyeluruh," katanya.

Berkenaan pemilihan mod

"Banci ini juga dapat menyediakan penanda aras sehingga peringkat terkecil yang diperlukan untuk merangka program pembangunan pertanian baharu dan untuk menilai kemajuannya"

Fuziah M Amin,
Pengarah Bahagian
Perangkaan
Pertanian dan Alam
Sekitar serta
Pengerusi JK PIO
Banci Pertanian
2024



pembancian pula, Fuziah berkata,

pembancian kali ini akan mengguna pakai kaedah temuramah bermuka iaitu Paper and Pen Interview (PAPI) bagi isi rumah manakala bagi pertubuhan akan menggunakan kaedah PAPI dan secara pos.

"Pelaksanaan mod pembancian ini adalah fleksibel dengan mengambil kira kebolehpakaian dan kesesuaian mengikut kategori responden.

Jelas beliau, responden perlu menjawab Banci Pertanian 2024 kerana ia menyediakan data asas tentang profil pegangan pertanian seperti maklumat demografi, hasil pertanian, kos

input, saiz ladang, penggunaan dan pemilihan tanah, mekanisasi serta penggunaan teknologi.

Rangka dasar, program

Secara ringkasnya, dapatan banci ini dapat digunakan untuk merangka dasar dan program jangka pendek dan jangka panjang serta untuk meningkatkan keterjaminan makanan, produktiviti serta mempromosikan pertanian mampan.

"Selain itu, ia juga dapat menyediakan statistik pertanian yang komprehensif dan bermanfaat kepada semua pihak terutamanya kerajaan dan pembuat dasar atau polisi kerana ia dapat membantu dalam merancang intervensi yang tepat dan berkesan dalam sektor pertanian.

"Bagi petani atau pengusaha pertanian pula, mereka dapat memahami aliran semasa permintaan dan penawaran pasaran sektor pertanian, ketelusan harga produk pertanian serta memperbaiki teknik dan amalan pertanian untuk meningkatkan hasil.

"Banci ini juga dapat membantu penyelidik dan ahli akademik menjalankan kajian lanjut yang menyumbang kepada pengetahuan dan teknologi baharu dalam sektor pertanian.

"Kepada orang awam pula, hasil dapatan banci ini dapat membantu pengguna untuk memahami Efficiency of market iaitu untuk mencapai keseimbangan permintaan dan penawaran serta ketelusan dan kestabilan harga produk.

"Untuk agensi pertanian, dapatan banci ini boleh digunakan sebagai pengukur dan perbandingan antarabangsa kerana memenuhi keperluan standard data agensi antarabangsa seperti The Food and Agriculture Organization of the United Nations (FAO)," katanya.

Mengulas lanjut mengenai Banci Pertanian 2024, Fuziah berkata, ia adalah banci keempat yang akan dilaksanakan di Malaysia.

Katanya, Banci Pertanian yang pertama dilaksanakan pada tahun 1960 membabitkan negeri Persekutuan Tanah Melayu dan Sarawak dan diperluas ke Sabah pada 1961.

"Banci Pertanian kedua pula dilaksanakan pada 1977 di Malaysia manakala Banci Pertanian yang ketiga dilaksanakan pada 2005 dengan kerjasama Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Kementerian Perlindungan dan Komoditi dan DOSM.

"Pelaksanaan Banci Pertanian pada 2024 adalah sejajar dengan resolusi FAO, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang mengesyorkan supaya semua negara melaksanakan Banci Pertanian dengan kekerapan sekali dalam tempoh 10 tahun.

"Negara seperti Indonesia, Filipina, Thailand dan Sri Lanka melaksanakan banci pertanian dengan kekerapan 10 tahun sekali. Walau bagaimanapun, terdapat negara melaksanakan banci pertanian lima tahun sekali iaitu Australia, Kanada dan Republik Korea," katanya.